

17 JUN 2003

PM RASMI EKSPLO PAMERAN DAN JUALAN SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Ekspo Pameran dan Jualan sempena Perhimpunan Agung Umno ke-57 di Aras 2, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Pada majlis ringkas itu, Perdana Menteri secara simbolik memukul gong bagi menandakan perasmian ekspo itu sebelum turut melawat beberapa gerai daripada sejumlah 232 gerai di tapak ekspo berkenaan.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir turut melancarkan buku panduan "Langkah Pertama Membina Kerjaya" susunan Biro Tenaga dan Sumber Manusia, Pergerakan Puteri Umno dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia.

Buku bersaiz poket itu mengandungi bimbingan dan tips kepada individu lepasan sekolah untuk menghadiri temuduga dan melangkah ke dunia pekerjaan.

Buku berkenaan yang mempunyai lakaran karikatur dan bahasa yang mudah itu kelak akan diedarkan kepada individu lepasan sekolah di seluruh negara.

-- BERNAMA

MS KHY ROS